



RAHMAN diiringi Yeo (tiga dari kiri) bersama Jainab (dua dari kiri) menyempurnakan pelepasan 'Unity Ride'.



ABDUL Rahman (lima dari kiri) beramah mesra dengan wakil Kampung Cenderamata, Likas yang merupakan penerima Sijil Pengiktirafan Kampung Tanpa Sampah.

RM10j bina Dewan Masyarakat Inanam

► Tunai janji kerajaan di bawah kepimpinan Najib

UG 26.2.2018 A5

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bagi membina Dewan Masyarakat Inanam yang dijangka akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkata, ia bagimenunaikanjanjikerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bagi membangunkan kawasan berkenaan.

"Lokasi pembinaan dewan ini pada kedudukan yang sedia ada dan saya mahu DBKK memberikan satu reka bentuk dewan yang



SALAH seorang penjaja di Inanam sedang memberitahu sesuatu kepada Abdul Rahman (kanan).

bukan seperti biasa tetapi unik, memaparkan kekayaan budaya serta mempunyai fungsi moden.

"Dewan ini juga akan dijadikan sebagai ikonik dan tempat tarikan serta persinggahan pelancong luar

dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada Program Ramai-Ramai di Tapak Pasar Malam Inanam sempena Ulang Tahun Ke-18 Bandaraya Kota Kinabalu, di sini pada Ahad.

Dalam perkembangan lain, Rahman berkata Majlis Perundingan Sepanggar yang diwujudkan akan dianggotai oleh pakar-pakar akademik bidang sosiologi dan ekonomi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Katanya, ia akan menjadi platform terbaik buat ahli akademik melontarkan pendapat mahupun idea khususnya berkaitan pembangunan Sepanggar dan Bandaraya Kota Kinabalu amnya.

"Majlis ini berperanan membincangkan masalah atau isu yang ada di kawasan Sepanggar dari aspek ekonomi, sosial, industri, keagamaan dan sebagainya.



ABDUL Rahman memukul gong sebanyak tiga kali simbolik kepada perasmian program.

"Hasil dapatan daripada percambahan idea ini akan kita persembahkan kepada DBKK serta pemimpin atasan atas sebab kita mahu suara rakyat didengari dan dapat diekspresikan oleh kerajaan.

"Sudah pasti, kewujudan majlis seumpama ini akan menjadi mekanisme yang lebih memfokuskan kepada membantu DBKK, kerajaan negeri serta Persekutuan membangunkan wilayah Sepanggar yang sememangnya berpotensi besar untuk dimajukan," katanya.

Rahman yang juga menteri Unit Perancangan Ekonomi (EPU) meminta supaya unit seliaannya itu dapat membuat kajian cara menghubungkan ekonomi selatan Sabah dengan Wilayah Kalimantan melalui satu jalan darat di

Kalabakan.

Katanya, ia penting bagi memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama perniagaan antara dua negara itu yang sememangnya berpotensi untuk diterokai.

"Dalam perbincangan juga, saya mendapati banyak potensi yang kita boleh terokai dengan kerjasama Kalimantan disebabkan ia adalah sebuah wilayah Indonesia yang banyak kekayaan semulajadi, perladangan, minyak gas, biji timah, arang batu, dan sebagainya.

"Jadi, kita sebagai negeri yang dekat dengan Kalimantan perlu mengambil kesempatan ini dan tidak mengambil mudah akan hubungan ekonomi yang amat penting ini," katanya.

Melalui usaha itu juga,

beliau yakin Kota Kinabalu akan menjadi hab pendidikan yang menjadi pilihan anak-anak dari Kalimantan Indonesia untuk menuntut ilmu selain di Singapura dan Kuala Lumpur.

Terdahulu, Program Ramai-Ramai anjuran DBKK yang julung kali diadakan itu dihadiri lebih 4,000 orang yang bersilih ganti datang melihat pelbagai aktiviti termasuklah persembahan nyanyian, cabutan bertuah, jualan dan sebagainya.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid. Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Yeo Boon Hai dan Pemangku Ketua Umno Bahagian Sepanggar Datuk Yaakub Khan.



ABDUL Rahman (kiri) sedang beramah mesra dengan pelanggan di salah sebuah restoran di Inanam.



KELIHATAN Yeo yang menggayakan aksi dengan salah sebuah kereta lama di ambil gambar oleh Abdul Rahman.